

Headline	Kit Prihatin Alam Flora untuk frontliners		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	30 Jun 2021	Language	Malay
Circulation	140,000	Readership	420,000
Section	Nasional	Page No	23
ArticleSize	202 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 12,847		



Kit Prihatin Alam Flora untuk *frontliners*

KUALA LUMPUR - Kira-kira 1,100 pek prihatin diedarkan oleh Alam Flora kepada petugas barisan hadapan di beberapa lokasi Pusat Pemberian Vaksin (PPV), Pusat Penilaian Covid-19 (CAC) dan Pusat Khidmat Gelandangan di Kuala Lumpur dan Selangor bermula Selasa sehingga 15 Julai.

Pek-pek yang dilengkapi dengan set hidangan dalam bekas makanan guna semula, serta set sanitasi tangan dan lenca-na Alam Flora Prihatin adalah sebahagian daripada program tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat.

Selain itu, sumbangan serupa turut di-beri kepada pusat khidmat gelandangan kelolaan DBKL di Kuala Lumpur, me-mandangkan mereka juga turut terkesan.

Ketua Pegawai Eksekutif Alam Flora, Datuk Mohd Zain Hassan berkata, sebagai ahli barisan hadapan, pihak Alam Flora amat memahami kesukaran petugas barisan hadapan daripada pelbagai agensi.

“Mereka selalu menghadapi kekangan mendapatkan serta membeli bekalan makanan ketika bertugas hingga ada yang terpaksa meminta ahli keluarga meng-hantar makanan kepada mereka, yang mungkin berisiko,” katanya.

Mohd Zain berkata demikian selepas membuat penyerahan simbolik Kit Prihatin Alam Flora kepada Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, Datuk Dr. Param Jeeth Singh di sini pada Selasa.

Beliau berkata, antara PPV yang akan menerima Kit Prihatin Alam Flora ialah Dewan Sukan Pandamaran, Klang; Dewan



Mohd Zain (kanan) membuat penyerahan simbolik Kit Prihatin Alam Flora kepada Dr Param di Ibu Pejabat Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya pada Selasa.

Kelab Kilat TNB, Kapar, Klang dan Dewan Seroja, Putrajaya.

“CAC pula ialah Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 9, Pusat Komuniti Bukit Bandaraya, Stadium Titiwangsa, Kompleks Sukan Sri Delima, Kompleks Sukan Bandar Tun Razak, Stadium Melawati dan Hospital Kuala Lumpur,” katanya.

Pusat Khidmat Gelandangan pula ialah Medan Tuanku dan Anjung Kelana, Jalan Desa, Kuala Lumpur.